AUTHOR: No author available SECTION: DLM NEGERI PAGE: 6 PRINTED SIZE: 322.00cm² REGION: KL
MARKET: Malaysia PHOTO: Full Color ASR: MYR 8,764.00 ITEM ID: MY0068886926



20 APR, 2026

19 loji hasil 1.5 juta liter biodiesel sebulan

Utusan Malaysia, Malaysia

19 loji hasil 1.5 juta liter biodiesel sebulan

SHAH ALAM: Sebanyak 19 loji pengeluaran biofuel di seluruh negara berupaya menghasilkan kira-kira 1.5 juta liter biodiesel sebulan melalui pelaksanaan penyelarasan industri secara lebih bersepadu.


Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi berkata, kapasiti pengeluaran itu dijangka mampu menampung penggunaan dan permintaan tempatan, sekali gus membantu mengimbangi kenaikan harga diesel pada masa ini.

Katanya, semua loji berkenaan kini berada dalam rangka penyelarasan bagi memastikan pengeluaran dapat dilakukan secara lebih efisien, sekali gus mengurangkan kos operasi melalui konsep sinergi antara pemain industri.

"Kini terdapat 19 loji pengeluaran *biofuel* sama ada B15 hingga B50 dan kita akan gunakan *sludge* atau *input* pengeluaran daripada CPO (minyak mentah sawit), di mana terdapat 35 peratus *sludge*, dimanfaatkan untuk mengeluarkan biodiesel dan juga (minyak) jet A1," katanya pada sidang akhbar selepas Majlis Perasmian RisSMart Grocer di sini, semalam.

Penggunaan sisa minyak sawit atau *sludge* sebagai bahan asas utama pengeluaran turut meningkatkan nilai tambah kepada industri komoditi negara.

"Ini bukan sahaja soal pengeluaran, tetapi bagaimana kita memanfaatkan sisa industri untuk menjana sumber tenaga baharu yang lebih berdaya saing," katanya.



AHMAD Zahid Hamidi bersama Pengerusi RISDA Manndzri Nasib (tiga kiri) ketika sesi lawatan selepas merasmikan Pasar Raya RisSMart Grocer di RisSMart GROCER di Pusat Bandar Kwasa Damansara, Shah Alam. - UTUSAN/M. FIRDAUS M. JOHARI

Katnaya, projek tersebut dibincangkan bersama Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) dan beberapa agensi berkaitan termasuk Kementerian Perladangan dan Komoditi serta syarikat berkaitan kerajaan.

Katanya, kerjasama strategik turut melibatkan Petronas yang telah menjalankan ujian dan penilaian terhadap kesesuaian penggunaan biodiesel tersebut, termasuk bagi memastikan ia memenuhi standard teknikal dan boleh digunakan meluas dalam sektor kenderaan diesel.

Penglibatan Petronas bersama pengeluar kenderaan penting memastikan biofuel ini bersedia untuk dipasarkan secara berskala besar di peringkat nasional.

"Apabila kita bergerak secara *mass production* melalui 19 loji ini, kos akan turun dan manfaatnya kembali kepada rakyat serta industri," katanya.

Keupayaan pengeluaran itu turut diyakini mampu mengurangkan tekanan permintaan diesel di pasaran tempatan, di samping memberi kesan penstabilan terhadap harga bahan api tersebut.

Ahmad Zahid berkata, inisiatif itu merupakan sebahagian usaha kerajaan memperkukuh agenda tenaga hijau negara serta mengurangkan kebergantungan kepada bahan api fosil.

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

AUTHOR: No author available SECTION: DLM NEGERI PAGE: 6 PRINTED SIZE: 322.00cm² REGION: KL
MARKET: Malaysia PHOTO: Full Color ASR: MYR 8,764.00 ITEM ID: MY0068886926



20 APR, 2026

19 loji hasil 1.5 juta liter biodiesel sebulan

Utusan Malaysia, Malaysia

SUMMARIES

SHAH ALAM: Sebanyak 19 loji pengeluaran biofuel di seluruh negara berupaya menghasilkan kira-kira 1.5 juta liter biodiesel sebulan melalui pelaksanaan penyelarasan industri secara lebih bersepadu. Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi berkata, kapasiti pengeluaran itu dijangka mampu menampung penggunaan dan permintaan tempatan, sekali gus membantu mengimbangi kenaikan harga diesel pada masa ini.

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.